

24 JANUARI 2018

## Jual guna not RM1

**ANUAR (tengah) menunjukkan dadah dan duit yang dirampas.**

## Jual dadah guna not RM1

**Georgetown:** Hanya terima wang kertas RM1. Itu dilakukan dua lelaki ketika membuat urusan menjual dadah kepada pelanggan mereka.

Difahamkan, mereka yang juga ahli sindiket pengedaran dadah jenis heroin itu enggan menerima wang kertas lain kerana bimbang ia palsu dan hanya menerima not RM1 ketika berurusan dengan pelanggan.

Kedua-dua lelaki berusia

33 dan 34 tahun itu bagaimanapun ditahan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut dalam serbuan di Pangaspuri Desa Iswara, Relau di sini, Ahad lalu.

Serbuan jam 9 malam itu turut membongkar kegiatan mereka yang menjadikan pangaspuri berkenaan sebagai makmal memproses dadah dan hasilnya polis menemui wang kertas RM1 dibungkus rapi de-

ngan jumlah keseluruhan bernilai RM11,000.

Ketua Polis Daerah Timur Laut Asisten Komisioner Anuar Omar berkatanya, polis merampas heroin seberat 4.391 kilogram, 383 gram heroin dan serbuk kafien 35.5 kilogram dengan jumlah keseluruhan bernilai RM158,800.